

## Keindahan Gaya Bahasa Al-Quran: Suatu Tinjauan *Isti'arah* Dalam Juzuk Kedua

Roslan Ab Rahman  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Hashim Mat Zin  
Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Md Nor Abdullah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hasan Al-Banna Mohamed<sup>1</sup>  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

### Abstrak

*Gaya bahasa atau Uslub yang sesuai dalam sesuatu ungkapan akan memainkan peranan dalam menyampaikan sesuatu mesej dengan berkesan seperti yang terkandung dalam ayat al-Quran. Antara gaya bahasa al-Quran yang menjadi fokus kajian ini adalah Isti'arah yang menjadi satu daripada komponen ilmu Bayan dalam Balaghah Arab dan ia adalah salah satu cabang ilmu yang menyumbang kepada kemukjizatan al-Quran dalam konteks gaya bahasa. Isti'arah juga merupakan suatu unsur perbandingan yang tinggi nilainya dan boleh menawan hati, jiwa dan pemikiran manusia. Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menyelidiki makna tersirat pada kalimah al-Quran melalui gaya bahasa Isti'arah di samping menyingkap kembali pandangan ulama' Balaghah silam yang agak kurang didedahkan agar ilmu mereka sentiasa dimanfaatkan generasi kini. Melalui Isti'arah, segala kalimah Majaz yang berkaitan dapat dihayati maksudnya walaupun pada hakikatnya ia memerlukan kepada daya imaginasi yang tinggi dan pemikiran yang mendalam untuk memahaminya. Bagi mencapai tujuan tersebut proses menganalisis dilakukan terhadap data-data perpustakaan bagi sembilan ayat yang terlibat dalam juzuk kedua daripada al-Quran. Hasil kajian ini mendapati bahawa Balaghah Isti'arah memainkan peranan penting dalam memastikan sesuatu mesej ayat al-Quran itu dapat disampaikan dengan lebih bermakna dan berkesan. Justeru, kedudukan gaya bahasa Isti'arah khasnya dan Balaghah al-Quran amnya adalah sebahagian*

<sup>1</sup> Corresponding author: Hasan Al-Banna Mohamed, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, email: hasanalbanna@upnm.edu.my

*daripada I'jaz al-Quran dan terbukti tidak mampu ditandingi oleh manusia dan apa yang penting adalah ia juga sewajarnya dipelajari oleh setiap muslim selain pelajar dalam jurusan agama dan bahasa Arab.*

*Kata kunci: balaghah isti'arah, gaya bahasa al-Quran*

### Abstract

*The use of appropriate style of language or Uslub, in an expression, as employed in the Quran verses, plays an important role in effective communication of the message. Isti'arah, as one of the various styles of language in the Quranic language, is the focus of this study. Isti'arah is part of the component of "Bayan" in Arabic Balaghah, and forms a branch of knowledge within the context of styles of language, that contributes to the status of the Quran as a miracle. Isti'arah is also viewed as a prominent comparative factor which is able to capture the hearts and minds of mankind. The objective of this research is to investigate the implied meanings of Quranic verses through Isti'arah/styles of language, besides revisiting viewpoints of previous Balaghah scholars for the benefits of the present generation. Through Isti'arah, related Majaz expressions, which normally require higher imaginative capacities and insights, would be able to be understood. This study analyzes nine verses in Chapter Two of the Quran. The findings revealed that Balaghah Isti'arah plays an important role in ensuring that the message of the Quran verses is meaningful and conveyed effectively. Thus the position of Isti'arah, in particular, and Balaghah Al-Quran in general, are part of I'jaz Al-Quran, which has been proven that no man can challenge. It is an important aspect to be known, not only by learners of the Arabic language and religious studies, but also by every Muslim.*

*Keywords: balaghah isti'arah, language style of the Quran*

### Pendahuluan

Penyelidikan bahasa itu bukanlah semata-mata terletak pada susunan lafaz dan perkataan atau kajian linguistik dan tata bahasa (nahu), bahkan ia melibatkan kajian makna sesuatu ungkapan sama ada makna tersurat atau tersirat. Merujuk kepada bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran sebagai *Kalamullah* SWT dan bukan percakapan manusia, sudah semestinya banyak mempunyai makna-makna yang tersirat di samping makna yang tersurat seperti yang terkandung dalam gaya bahasa *Isti'arah*. Ulama' *Balaghah* telah membahagikan *Isti'arah* kepada dua bahagian utama iaitu *Tasrihiyyah* dan *Makniyyah*. *Isti'arah Tasrihiyyah* seperti yang ditulis oleh Fadl Hasan al-'Abbas (2007: 309) ialah satu gaya bahasa perbandingan yang *Musyabbah* bihnya disebut dan *Musyabbahnya* digugurkan. Manakala *Isti'arah Makniyyah* pula adalah *Musyabbah* disebut dan *Musyabbah* bihnya

digugurkan dan diiringi dengan salah satu sifat khasnya yang mempunyai makna kiasan.

### Makna Isti'arah

Di sini, dinyatakan makna *Isti'arah* dari dua aspek, yaitu makna bahasa (*Lughawi*) dan makna istilah ahli *Balaghah*. Makna *Isti'arah* dari segi bahasa ialah “minta pinjam”, asal dari kata kerja (اِسْتَعَارَ - يَسْتَعِيرُ - اِسْتِعَارَةٌ) yang memberi maksud meminta daripada seseorang supaya meminjamkan sesuatu kepadanya (Ibrahim Mustapha et al., 1986: 636). Dalam kitab “*Tartib al-Qamus al-Muhit*” karangan Al-Tahir Ahmad al-Zawi (t.t: 342), ada menjelaskan bahawa:

”أَعَارَهُ الشَّيْءُ وَأَعَارَهُ مِنْهُ عَاوَرَهُ إِيَّاهُ وَتَعَوَّرَ وَاسْتَعَارَ : طَلَبَهَا وَاسْتَعَارَهُ مِنْهُ : طَلَبَ إِعَارَتَهُ“

Bermaksud: “*Memberi pinjam sesuatu kepadanya, meminjamkan sesuatu daripadanya, saling meminjam sesuatu dan minta pinjam sesuatu daripadanya*”.

Merujuk kepada ‘*Lisan al-Arab*’, “العوار” ialah sejenis pokok yang subur menghijau dan hanya tumbuh menumpang di atas pokok yang besar. Manakala “تَعَوَّرَ وَاسْتَعَارَ نَحْوَ تَعَجَّبَ وَاسْتَعْجَبَ” bererti mengkagumkan. Oleh yang demikian kalimah “تَعَاوَرُوا الْقَوْمَ : تَعَاوَنُوا عَلَيْهِ” pula ertinya, *tolong menolong atau bergilir-gilir*. Kalimah “يَسْتَعِيرُنِي ثِيَابِي” ertinya, *dia minta pinjam baju saya*. Adapun “الْعَارِيَّةُ وَالْإِعَارَةُ وَالِاسْتِعَارَةُ” ertinya *peminjaman*, seolah-olah mereka hendak memisahkan antara suatu yang meragukan dengan apa yang diragukan (Ibnu al-Manzur, t.t: 616). Di sini, dapatlah dirumuskan bahawa ada kesatuan makna antara perkataan tersebut iaitu, ada hubungan antara dua pihak sama ada saling menolong, bergilir-gilir, menumpang dan mengkagumkan. Maka sesuaiilah *Isti'arah* sebagai pengujaran lafaz secara peminjaman kepada pihak yang lain dan bermaksud bukan pada makna hakiki. Seterusnya ia boleh mengkagumkan seseorang dari sudut lafaz dan maknawinya.

*Isti'arah* menurut istilah *Balaghah* adalah satu bahagian daripada *Majaz Lughawi*, iaitu *Tasybih* yang dibuang salah satu tarafnya iaitu *Musyabbah* atau *Musyabbah bih*. Oleh itu hubungan antara makna *Haqiqi* dan makna *Majazi* adalah *Musyabahah* selamanya (Mukhlas al-Syarkani, 2001: 65). Manakala *Isti'arah* (*The Metaphorical Figure*) menurut ‘Abd al-Hamid Muhammad ‘Ubaisi (1985: 389) juga mengatakan ia adalah satu bentuk *Majazi* (*Thelmagery Figure*) atau *Majaz Balaghi* yang mempunyai makna penyerupaan yang nyata dan dapat difahami daripada susunan ayat yang tidak mempunyai kata *Tasybih* atau perbandingan. Perkara inilah yang dikatakan keistimewaan *Isti'arah* yang tidak wujud pada ciri-ciri *Tasybih*

secara jelas dalam susunan ayat tetapi diperoleh daripada pemerhatian dan penelitian kandungan serta maksud ayat.

Adapun menurut Ulama' *Balaghah* Arab yang terbilang iaitu 'Abd al-Qahir al-Jurjani (1976: 123) dalam kitabnya *Asrar al-Balaghah* menyatakan pentakrifan *Isti'arah* adalah seperti berikut:

”أَنْ يَكُونَ لَفْظُ الْأَصْلِ فِي الْوَضْعِ اللَّغْوِيِّ مَعْرُوفًا ، تَدُلُّ الشَّوَاهِدُ عَلَى أَنَّهُ اخْتَصَّ بِهِ حِينَ وَضَعِ ثُمَّ يَسْتَعْمَلُهُ الشَّاعِرُ أَوْ غَيْرُ الشَّاعِرِ فِي غَيْرِ ذَلِكَ الْأَصْلِ وَيُنْقَلُ إِلَيْهِ نَقْلًا غَيْرَ لَازِمٍ فَيَكُونُ هُنَاكَ كَالْعَارِيَّةِ“

Maksudnya: “Bahawa lafaz asal yang diletakkan adalah sudah dikenali dengan adanya dalil-dalil terhadapnya, kemudian penyair atau bukan penyair menggunakan lafaz tersebut bukan bagi makna asal dan berpindah menjadi makna lain, maka jadilah aspek yang dipanggil peminjaman”.

Ulama' mutakhir pula memberi definisi *Isti'arah* sebagai:

”أَنَّ الْأَسْتِعَارَةَ هِيَ اسْتِعْمَالُ الْكَلِمَةِ فِي غَيْرِ مَا وُضِعَتْ لَهُ لِعِلَاقَةِ الْمَشَابِهَةِ“

Maksudnya: “Penggunaan kalimah bukan pada makna asal kerana adanya kaitan *Musyabahat* (persamaan)”. Setiap *Isti'arah* itu mempunyai makna *Tasybih*, tetapi setiap *Tasybih* tiada makna *Isti'arah* (Muhammad Muhammad Abu Musa et al., 1413H: 71).

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa *Isti'arah* adalah termasuk dalam kelompok *Majaz Lughawi* (مَجَازٌ لُغَوِيٌّ) mengikut pendapat kebanyakan para linguistik Arab, kerana *Uslub Isti'arah* digunakan bagi sesuatu yang dikatakan mempunyai ciri-ciri persamaan (*Musyabahah*) antara peminjam dengan yang dipinjam. Ia juga memerlukan kepada pentakwilan makna di sebalik lafaz yang digunakan dan bukan memberi pengertian makna secara zahir. Merujuk kepada kamus Melayu bahawa “Metafora” ialah “pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan”, ia ada persamaan makna dengan *Isti'arah* (Kamus Dewan, 2005: 886). Metafora dalam Bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai “Bahasa Kiasan Bukan Peribahasa”, iaitu kiasan yang tidak menggunakan seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak, seperti, laksana, macam, bagai dan umpama (Abdullah & Ainun, 1993: xiii).

### Pandangan Ulama' *Balaghah* Arab

Di samping membicarakan makna *Isti'arah*, perlu dijelaskan juga bahawa ia berkait rapat dengan *Tasybih* dan *Tamthil*. Menurut 'Abd al-Qahir al-Jurjani (1976: 120) dalam memperkatakan tentang *Tasybih*, *Tamthil* dan *Isti'arah*

bahawa ia adalah daripada kumpulan yang sama. Namun begitu, ia juga sebagai neraca dalam menentukan sesuatu perkara, contohnya status sifat mulia antara dua lelaki. Walaupun mempunyai sifat yang sama, tetapi ia dapat dihalusi lagi dengan melihat kepada gaya bahasa yang digunakan sama ada *Tasybih*, *Isti'arah* atau *Tamthil*.

Menurut 'Abd al-Qahir al-Jurjani lagi (1989: 70) bahawa:

وَأَنَّ لِلْإِسْتِعَارَةِ مَزِيَّةً وَفَضْلًا، وَأَنَّ الْمَجَازَ أَبَدًا أَبْلَغُ مِنَ الْحَقِيقَةِ، إِلَّا أَنَّ ذَلِكَ، وَإِنْ كَانَ مَعْلُومًا عَلَى الْجُمْلَةِ، فَإِنَّهُ لَا تَطْمَئِنُّ نَفْسُ الْعَاقِلِ فِي كُلِّ مَا يَطْلُبُهُ الْعِلْمُ بِهِ حَتَّى يَبْلُغَ فِيهِ غَايَتَهُ، وَحَتَّى يُغْلِغَ الْفِكْرَ إِلَى زَوَايَاهُ، وَحَتَّى لَا يَبْقَى عَلَيْهِ مَوْضِعٌ شُبْهَةٌ وَمَكَانٌ مَسْئَلَةٌ.

Maksudnya: “Bahawa bagi *Isti'arah* ada keistimewaan dan kelebihan dan *Majaz* itu sentiasa lebih *Baligh* daripada *Haqiqah*, orang yang ada pemikiran tidak merasa tenang sehingga ia mendapatkan objektif ilmu yang dipelajarinya, sehingga sibuk berfikir tentang keistimewaannya dan sehingga tidak ada lagi tempat kesamaran dan masalah”.

Para ahli *Balaghah* sememangnya amat menitikberatkan soal susunan ayat atau sesuatu lafaz dan mengklasifikasikan mana yang lebih tinggi tahap *Balaghah* atau lebih dalam maksudnya. Perkara ini jelas apabila mereka membicarakan sifat berani seseorang. Contohnya: (هُوَ كَالْأَسَدِ فِي شَجَاعَةٍ) maksudnya, “Dia berani seperti singa” merupakan *Tasybih* biasa yang menjelaskan semua rukun *Tasybih* termasuk *Wajh al-Syabah*. Apabila *Wajh al-Syabah* dibuang dengan katanya (هُوَ كَالْأَسَدِ) akan menjadi lebih *Baligh* daripada ungkapan sebelumnya. Kemudian gaya bahasa menjadi lebih tinggi nilainya lagi apabila *Adat al-Tasybih* dibuang, maka jadilah (هُوَ أَسَدٌ) atau disebut *Tasybih Baligh* iaitu antara jenis *Tasybih* yang paling dalam maksudnya. Apabila ungkapan ini menjadi (كَلِمَتُ أَسَدًا), maka *Uslub* ini sudah berpindah ke dalam bentuk *Isti'arah* bukan lagi dikatakan *Tasybih*.

Maka jelaslah bahawa *Tasybih* itu merupakan asal bagi *Isti'arah* dan sebagai perintis jalan menuju ke destinasi *Isti'arah* yang memerlukan pemerhatian yang lebih teliti dan mendalam. Demikian itulah dikatakan juga bahawa gaya bahasa *Tasybih* adalah sebahagian daripada gaya bahasa *al-Haqiqah* kerana kalimah di dalamnya tidak menunjukkan kepada makna yang lain. Berlainan pula dengan *Isti'arah* yang digolongkan dalam kelompok *Majaz* iaitu *Majaz Lughawi* kerana kalimah di dalamnya ada mengandungi makna atau maksud yang lain disebaliknya (Muhammad Muhammad Abu Musa et al., 1413H: 67-68).

Menurut al-Sakkaki (1983), dalam hal pembahagian perkataan atau lafaz *Haqiqah* dan *Majaz*, para ulama' *Balaghah* Arab telah menggariskannya dengan memberi takrifan yang begitu jelas dalam kajian ilmu *Balaghah*,

iaitu *Haqiqah* merupakan kalimah yang digunakan dan bermaksud secara lafaz yang zahir tanpa ditakwil kepada makna yang lain, seperti penggunaan perkataan “singa” yang digunakan dalam *Tasybih*.

Adapun *Majaz* ialah kalimah yang digunakan bukan pada makna zahirnya, tetapi digunakan untuk makna yang lain dengan adanya *Qarinah* (tanda) yang menunjukkan bukan untuk makna secara zahir kalimah tersebut. Seperti *Uslub Isti'arah* dalam menggunakan kalimah “singa” seperti ungkapan; “Saya bercakap dengan singa”. Ia bukanlah bermakna secara zahirnya, tetapi memberi pengertian yang lain iaitu seseorang bercakap dengan orang yang mempunyai sifat berani sebagaimana seekor singa. Hal inilah yang dikatakan *Majaz Lughawi* seperti yang telah diklasifikasikan oleh para ulama' (al-Sakkaki, 1983: 358-359).

Menurut Ahmad Rabi' (1991) bahawa *Balaghah* bagi *Tasybih* datang daripada dua aspek, iaitu daripada cara susunan lafaz-lafaznya dan daripada aspek cetusan *Musyabbah bih* yang jauh dari jangkauan pemikiran kecuali bagi seorang sasterawan. Kemampuannya dianugerahkan oleh Allah SWT untuk menangkap *Wajh al-Syabah* dan merungkaikan kaitan antara makna-makna yang halus dengan kedua *Tarfainya*.

Manakala *Balaghah Isti'arah* dikaitkan dengan *Balaghah Tasybih* tadi dan tambahannya ialah ia bergantung kepada “melupakan *Tasybih*”. Kemudian, sebagai asasnya ialah daya imiginasi satu gambaran baru yang tersembunyi di sebalik penyerupaan yang dibuat. Pendapat ini juga disokong oleh 'Abd al-Qahir al-Jurjani sendiri iaitu dari satu lafaz ia boleh melahirkan banyak makna yang terkandung di dalamnya (Ahmad Rabi', 1991: 69-70). Perkara ini membuktikan bahawa *Majaz* khasnya *Balaghah Isti'arah* mempunyai kedudukan yang tinggi dalam retorik Arab dan ia memerlukan daya fikir yang mendalam dan teliti untuk menafsirkan dan menjelaskan makna sebenar di sebalik lafaz berbentuk *Majaz*.

Satu perkara lagi yang amat penting dalam ilmu *Balaghah* juga adalah perlunya membawa sesuatu ungkapan atau ayat yang sesuai dengan konteks atau situasi (مُقْتَضَى الْحَال). Badawi Tabanah (1958: 200) menyatakan syarat utama dalam ilmu *Balaghah* untuk mendapatkan ungkapan atau ucapan yang sempurna adalah perlu sesuai dengan situasi. Hal ini diakui sendiri oleh 'Abd al-Qahir al-Jurjani (1989: 49) dalam membicarakan teori susunan ayat (النَّظْم) bahawa tujuan sesuatu susunan percakapan atau ayat adalah supaya maksudnya saling berkaitan dalam bentuk yang bertepatan atau selari dengan akal.

Rahsia keunikan atau keistimewaan gaya bahasa berkaitan perbandingan ini telah dirumuskan oleh Mahmud al-Sayyid Syaikhun (1981: 14). Antaranya; menjelaskan elemen *Ma'qul* dalam bentuk *Mahsus*, menukar suatu yang *maknawi* kepada *haqiqi*, ringkas dan padat makna, membawa maksud tepat, menzahirkan makna tersirat dalam ayat, memberi gambaran makna ayat ke

dalam pemikiran dengan terang dan meninggalkan kesan yang mendalam serta bahan perbandingan berasaskan situasi persekitaran semulajadi. Perkara inilah yang dititikberatkan dalam gaya bahasa yang berkaitan perbandingan atau perumpamaan dalam al-Quran sehingga membawa ke tahap yang dikatakan *I'jaz* atau Mukjizat al-Quran dari aspek pendekatan gaya bahasa yang hebat.

Justeru, sesuaiilah satu tinjauan penggunaan gaya bahasa *Isti'arah* dalam al-Quran dilakukan untuk menzahirkan keindahan yang ada dalam gaya bahasa tersebut berdasarkan teori dan tujuan ilmu *Balaghah*. Tinjauan ini hanya terbatas pada juzuk kedua sahaja dari kitab suci al-Quran. Justifikasi pemilihan juzuk ke dua adalah berdasarkan kepada urutan dan kesinambungan kajian lepas yang dibuat dalam Juzuk pertama dan jumlah sampel dianggap sesuai dengan ruang kajian ini.

### **Tujuan *Isti'arah***

Setelah melihat makna *Isti'arah* dari aspek bahasa dan istilah serta beberapa pandangan ulama' tentang *Isti'arah*, perlu pula melihat kepada tujuannya. Dengan memastikan apakah tujuan gaya bahasa ini akan memantapkan lagi landasan kajian ini dan tidak lari daripada objektif asal seperti yang telah dinyatakan.

Setiap gaya bahasa yang digunakan dalam pertuturan atau penulisan merupakan satu kesenian berbahasa. Gaya bahasa menurut Muhammad Amin al-Dannawi (2000) ialah makna yang diperoleh daripada perkataan yang disusun dalam bentuk tertentu yang boleh mencapai maksud daripada percakapan dan memberi kesan kepada pendengar. Beliau juga menjelaskan antara tiga jenis gaya bahasa seperti gaya bahasa ilmiah, sastera dan perbualan, gaya bahasa sastera adalah terbaik, lebih halus, perlu kepada imiginasi tinggi dan pemerhatian mendalam. Gaya bahasa ini bukan sahaja perlu kepada daya pemikiran semata-mata bahkan mengambil kira kepada perasaan dan citarasa seseorang. Antara tujuan *Isti'arah* adalah seperti berikut:

### ***Isti'arah* Sebagai *I'jaz* dan Mukjizat al-Quran**

Bertepatan dengan pandangan Mahmud al-Sayyid Syaikhun (1981) seperti yang telah disebutkan bahawa penggunaan *Isti'arah* dalam al-Quran ia menggambarkan keindahan dan keunggulan bahasa al-Quran yang tiada bandingannya. Sejarah penurunan al-Quran sendiri berlaku pada zaman Jahiliah yang terkenal dengan kehebatan sastera Arab yang tinggi nilainya. Menurut al-Baqillani bahawa kebenaran Nabi Muhammad SAW terbukti dengan kemukjizatan al-Quran yang disampaikan selama lebih kurang dua puluh tiga tahun. Kemukjizatannya terserlah dengan gaya bahasa yang unik, bukan ciptaan manusia dan tersebar keseluruh pelusuk dunia dengan tiada perubahan atau penambahan. Manusia lemah untuk mencipta seumpamanya, seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 23:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِمَّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu dalam keraguan mengenai al-Quran yang Kami wahyukan kepada hamba Kami (Muhammad), buatlah satu surah saja seperti al-Quran dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar”.

Para sarjana *Balaghah* Arab juga telah menggariskan bentuk *I'jaz* al-Quran, khususnya aspek bahasa. Menurut al-Baqillani, ada tiga perkara yang wujud dalam membicarakan bentuk *I'jaz al-Quran*, iaitu selain kandungannya tentang perkara ghaib dan kedudukan Nabi Muhammad SAW yang membuktikan bukan ciptaannya, al-Baqillani juga menyebut tentang keindahan susunan bahasanya yang tidak mampu ditandingi sasterawan Arab. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 82:

﴿وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya: “Kalau kiranya al-Quran itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka dapati pertentangan yang banyak di dalamnya”.

Gaya bahasa dan susunan ayat al-Quran juga terbukti bukan syair, bukan sajak dan bukan percakapan yang ada wazan atau aturan bunyi akhir (مَوْزُونٌ) (Al-Jurjani, 1989: 57-60). Kesimpulannya, *Isti'arah* adalah sebahagian daripada unsur *Balaghah* dalam al-Quran yang memberi sumbangan yang besar dari sudut *I'jaz* al-Quran.

### Penjelasan Rahsia-Rahsia *Balaghah*

Pembelajaran ilmu *Balaghah* amnya dan *Isti'arah* khasnya, boleh membantu seseorang memahami sesuatu teks atau pertuturan. Merujuk kepada *Isti'arah*, seseorang akan mampu menghayati maksud ayat sebenar dengan adanya penyerupaan di sebalik kalimah yang wujud. Hal ini demikian kerana perletakan jenis lafaz, aspek penyebutan *Musyabbah bih* dan penggugurannya serta lain-lain berkenaan dengannya, adalah diambil kira. Ia menggerakkan pemikiran dan perasaan seperti seorang sasterawan atau penyair. Pendedahan ayat yang mempunyai unsur sastera inilah yang melayani hati manusia sebagai pencetus sesuatu hal, sama ada baik atau buruk, syurga atau neraka, tetapi yang pentingnya ayat-ayat yang disampaikan itu jelas (Muhammad Muhammad Abu Musa et al., 1413H: 212).

Para ulama' telah bersepakat bahawa turunnya al-Quran dengan bahasa Arab dan memberi *I'jaz* melalui susunan katanya, menunjukkan beberapa tanda dan dalil seperti berikut:

- i. *Balaghah* bahasa Arab mendapat kedudukan yang tinggi hasil daripada cantik susunan kata dan perletakan ayat yang sesuai. Menurut Ibnu Jinni bahawa “Sesungguhnya, apabila diteliti kehalusan bahasa Arab dari segi ketepatan lafaz dan maknanya akan mempengaruhi jiwa dan perasaan, hal ini akan terserlah dalam dirinya bahawa ia adalah bahasa Ilahi”. Dapat difahami bahawa berkemungkinan Ibnu Jinni yang berasal dari Rom dan gurunya Abu ‘Ali al-Farisi dari Parsi, yang menunjukkan bahawa kedua-dua bahasa Rom dan Parsi adalah bahasa utama selepas bahasa Arab pada ketika itu. Hal ini memainkan peranan kepadanya dalam menampakkan kehebatan bahasa Arab berbanding kedua bahasa tersebut. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Syu‘ara’, ayat 195:

﴿بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُبِينٍ﴾

Maksudnya: “*Dengan bahasa Arab yang jelas*”.

- ii. Menandingi generasi sasterawan Arab ketika penurunan al-Quran. Tidak dinafikan bahawa generasi tersebut iaitu di zaman Jahiliyah sudah mampu membezakan percakapan dan membuat kritikan. Menurut riwayat Tabaqat Abu ‘Ubaidat, bahawa setelah turunnya al-Quran, mereka menjadi lemah dan yakin bahawa (al-Quran) itu, bukanlah pertuturan lidah manusia seperti mereka. Lemahnya mereka seperti tongkat Nabi Musa AS melemahkan musuh-musuhnya (Muhammad Muhammad Abu Musa, 1984: 13-18).

### **Penyampaian Mesej Dengan Lebih Berkesan**

Setelah diteliti gaya bahasa dalam *Isti'arah*, ia mengandungi maksud dan mesej tertentu bukan semata-mata satu permainan bahasa, terutama dalam ayat al-Quran yang menggunakan *Isti'arah*, seperti menggunakan satu lafaz tetapi mengandungi pelbagai maknanya. Dapat dilihat juga sesuatu yang mati (beku) digambarkan dapat bertutur, makna-makna yang tersembunyi terserlah dengan jelas melalui perumpamaan yang digugurkan musyabbahnya. Ia juga memberi gambaran suatu yang bersifat maknawi dengan suatu yang boleh dicapai dengan pancaindera, seperti gambaran hari akhirat dengan menceritakan keadaan ibu-ibu yang menyusukan anak, melepaskannya dari dakapan, wanita-wanita keguguran kandungannya dan manusia tidak tentu arah seperti orang-orang yang mabuk. Hal ini akan memberi kesan yang mendalam kepada manusia dan lahir perasaan gerun kepada Allah SWT (Al-Jurjani, 1976: 136-137).

## Pengukuhan *Mubalaghah*, Membenarkan Dakwaan dan Menetapkannya

﴿تَأْكِيدُ الْمُبَالِغَةِ، وَتَحْقِيقُ الْإِدْعَاءِ وَالْإِثْبَاتِ﴾

*Isti'arah* juga sebenarnya bukanlah membuat penyerupaan semata-mata antara kedua *Tarfai* nya, tetapi lebih dari itu untuk menguatkan lagi sesuatu makna. Contohnya, firman Allah SWT dalam Surah al-Fatihah, ayat 6:

﴿اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ﴾

Maksudnya: “*Tunjukkanlah kami jalan yang lurus*”.

Jalan yang lurus asalnya ialah jalan yang tiada bengkok padanya, dipinjamkan bagi agama yang benar. Namun, apa yang dimaksudkan agama yang benar ialah ajaran Islam iaitu hukum-hukum syariah. Faedahnyanya adalah untuk menguatkan dan menetapkan bahawa hukum syariah Islam sahaja berada dipihak yang benar. Menurut Ibnu Jinni: “*إِن لَّمْ تَكُنْ الْأَسْتَعَارَةُ لِلْمُبَالِغَةِ ، وَإِلَّا*” “Jika *Isti'arah* tidak dijadikan untuk *Mubalaghah*, ia tidak disebut *Isti'arah* tetapi *Haqiqah*”. Manakala Fakhruddin al-Razi mengatakan *Isti'arah* adalah untuk *Mubalaghah* dalam membuat *Tasybih* (Al-Hamawi, 1991: 110). Justeru, jelaslah bahawa gaya bahasa *Isti'arah* mempunyai tujuannya yang tersendiri dan bukan semata-mata datang untuk mempelbagaikan pendekatan gaya bahasa dalam sesuatu teks khususnya al-Quran.

### Tinjauan *Isti'arah* al-Quran Dalam Juzuk Kedua

#### *Isti'arah Tamthiliyyah*

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 143:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلِمَ مَنْ يَتَّبِعِ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبْ عَلَى عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرءُوفٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: “*Demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu*

(Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan Sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya kepada orang-orang (yang beriman)”.

Ayat di atas dan ayat sebelumnya pula Allah SWT merupakan makluman awal untuk mengubah kiblat bagi orang-orang mukmin iaitu dari Baitul Maqdis di Palestin kepada Kaabah di Mekah. Allah SWT mengumpamakan keadaan orang yang murtad dari agamanya dengan keadaan orang yang berpaling tadah atau berpaling ke belakang (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 5).

Menurut al-Tabari (1954: 15) dalam tafsiran ayat ini *مَنْ يَنْقَلِبْ عَلَيَّ عَمِّيَّه* memberi makna orang yang murtad daripada agamanya sama ada *munafik*, kafir atau menyalahi sunnah Nabi Muhammad SAW setelah mendakwa sebagai pengikutnya. Maka ungkapan dalam ayat ini merujuk kepada orang yang berpusing di perjalanan apabila berada di pertengahan. Kemudian berlaku peminjaman untuk dijadikan sebagai *mathal* (perumpamaan) bagi setiap orang yang meninggalkan sesuatu perkara dan mengambil sesuatu yang lain apabila berpaling dari arah tujuan yang asal.

Ungkapan ini dikira sebagai satu *Isti'arah Tamthiliyyah* dengan *Jami'* nya orang yang berpaling meninggalkan apa yang ada ditangannya serta membelakanginya sebagai seburuk-buruk cara kembali. Begitulah orang yang murtad dari agama Islam, mereka meninggalkan apa yang mereka sudah pegangi dengan bukti-bukti yang nyata sebagai seburuk-buruk atau sejahat-jahat keadaan (al-Alusi, 1985: 5). Peminjaman dalam ayat ini dari suatu yang berbentuk *Mahsus* (zahir) iaitu kedudukan orang yang berpaling ke belakang, untuk suatu yang *Ma'qul* (*maknawi*), iaitu kembali kepada kekufuran (murtad). Keistimewaannya, gaya bahasa ini dianggap bertepatan dengan konteks perilaku zahir yang dipadankan dengan situasi *maknawi* sebagaimana teori “*al-Nazm*” al-Jurjani yang telah dinyatakan. Hal ini demikian kerana ia dilihat amat jelas dan mudah difahami kerana perilaku zahir sememangnya biasa berlaku dalam kehidupan manusia. Orang yang berfikiran waras nescaya akan terasa mesej dari al-Quran ini lebih mendalam tentang buruknya gambaran orang yang kembali kepada kekufuran atau murtad, berbanding sekiranya didatangkan dengan gaya bahasa biasa sudah pasti ia perlu kepada ayat yang lebih panjang dan akan kurang kesannya.

### *Isti'arah Tasrihiyyah Tab'iyyah*

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 168-169 :

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ إِنَّمَا يَأْمُرُكُمْ بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu. Ia (syaitan) hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji dan menyuruh kamu supaya berkata-kata dusta terhadap Allah tentang apa yang kamu tidak ketahui”.

Latar belakang ayat ini menurut al-Nisaburi (1968) bahawa al-Kilabi menyatakan ayat ini turun pada puak Tha'qif, Khuza'ah dan 'Amir bin Sa'sa'ah. Mereka mengharamkan atas diri mereka beberapa perkara daripada binatang ternak seperti unta, lembu atau kambing dan kuda-kuda tunggangan yang baik-baik.

Dalam ayat ini dapat difahami ia ditujukan kepada sekalian umat manusia sama ada yang beriman mahupun tidak beriman kepada Allah SWT. Hal ini berdasarkan pada seruan Allah SWT pada awal ayat “يَا أَيُّهَا النَّاسُ” (*wahai manusia!*). Maka patutlah dengan realiti kehidupan manusia sememangnya mengerti dengan sebab musabab adanya makanan yang diharamkan berdasarkan pada kebersihan dan kesucian sesuatu makanan seperti daging binatang yang disembelih terlebih dahulu. Begitu juga makanan yang diharamkan kerana adanya kekotoran, racun dan sebagainya, seperti daging haiwan yang tidak disembelih. Sesuailah ungkapan selepas itu diiringi dengan “وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ” kerana setiap yang bercanggah iaitu menghalalkan perkara yang diharamkan dan sebaliknya merupakan sebagai mengikut jejak langkah syaitan. (Wahbah al-Zuhaili, 1991).

Menurut al-Sya'rawi (t.t: 699) ayat ini memberi makna *jangan kamu berjalan di belakang syaitan* ( لَا تَسِيرُوا وَرَاءَ الشَّيْطَانِ ) dan *الخطوة* ialah jarak di antara dua tapak kaki ketika berjalan dan jangan jadikan syaitan sebagai pemimpin kamu. Manakala menurut al-Khalil, kalimah *خُطُوَات* bermakna “أَثَارُهُ” iaitu kesan-kesannya. Menurut Ibnu 'Abbas bahawa lafaz itu bermakna “أَفْعَالُهُ” iaitu perlakuan atau perangnya. Manakala Mujahid pula mengatakan dengan makna “خَطَايَاهُ” iaitu kesalahan-kesalahannya. Maka, makna yang terhasilnya ialah jangan berpegang dengannya dan mengikut cara-cara hidupnya seperti menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Kalimah *خُطُوَات* dari *mufrad* “خُطْوَةٌ” iaitu antara dua telapak kaki si pejalan kaki. Ada juga pendapat mengatakan kalimah ini berasal dari “الخطأ، الخطيئة” dengan makna kesalahan. Hal ini bermakna huruf “و” adalah berasal dari huruf hamzah “ء” (al-Alusi, 1985: 39). Lafaz “خطوات الشيطان” juga ditafsirkan

sebagai was-was terhadap perkara yang dilakukan iaitu bisikan dari syaitan (Ibnu Mulaqqin, 1987: 70).

Jelasnya, *Isti'arah* dalam ayat ini dapat diambil dari lafaz “خطوات الشيطان” iaitu *jejak langkah syaitan* iaitu ia membandingkan tingkah laku yang buruk sebagai ikutan kepada jejak langkah syaitan. Berlaku peminjaman sifat yang dimiliki manusia dan disandarkan kepada syaitan yang bersifat ghaib (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 71).

*Isti'arah* dalam ayat ini berlaku dari suatu yang *Mahsus* (jejak langkah) untuk suatu yang *Ma'qul*, iaitu perlakuan buruk syaitan. Keistimewaannya, gaya bahasa dan ungkapan dalam ayat tersebut juga dianggap sesuai dan bertepatan dengan situasi. Hal ini demikian kerana orang yang tidak mengikut ajaran Islam sebenar dan melakukan perkara bercanggah dengan syariah digambarkan dengan suatu yang buruk iaitu seperti orang mengikut jejak langkah syaitan. Walaupun perkara berkaitan syaitan suatu yang abstrak dan bersifat *maknawi* namun dengan kalimah حَطَوَات ia mudah dihayati dan lebih berkesan bahawa situasi itu amat buruk dan perlu dijauhi oleh setiap orang. Dari aspek bahasa juga pemilihan perkataan “jejak langkah” bertepatan dan berkaitan dengan apa yang dimaksudkan.

### ***Isti'arah Tasrihiyyah Tab'iyah***

Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 169:

﴿إِنَّمَا يَأْمُرُكُم بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “*Ia (syaitan) hanya menyuruh kamu melakukan kejahatan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya)*”.

*Isti'arah* juga berlaku dengan peminjaman kata kerja “*menyuruh kamu*”. Manusia mungkin tertanya-tanya bagaimana mungkin berlaku suatu suruhan dari syaitan sedangkan semua makhluk Allah SWT tidak mempunyai sebarang kekuasaan. Sebenarnya Allah SWT mentasyybihkan hal syaitan yang sentiasa mendorong kepada keburukan dan membangkitkan nafsu syahwat manusia seperti suatu suruhan. *Isti'arah* ini dinamakan *Tab'iyah*. Suruhan syaitan ialah suatu ibarat tentang syak atau ragu-ragu yang dilalui oleh manusia dan boleh mengheret mereka kepada melakukan kejahatan (Muhyiddin al-Darwisy, 1992: 236).

Menurut al-Alusi ini merupakan penjelasan Allah SWT tentang cara permusuhan syaitan terhadap manusia dan satu pendedahan tentang selok belok kejahatan syaitan. “الأمر” suruhan di sini bukanlah memberi makna secara hakiki. Beliau berdalilkan pada firman Allah SWT dalam Surah al-Hijr, ayat 42:

﴿إِنَّ عِبَادِي لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَانٌ إِلَّا مَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْغَاوِينَ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya hamba-hamba-Ku, tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri)*”.

*Khitab* (ganti nama kedua) pada “كُفْرًا” dalam ayat tersebut untuk semua manusia, bukan untuk orang-orang yang mengikuti jejak langkah syaitan sahaja. Makna sebenar pada “suruhan” itu ialah hanya dapat membangkitkan keinginan dan mengindahkan apa yang bersifat salah. Kalimah “يَأْمُرُكُمْ” merupakan kata kerja, dengan itu ungkapan ini dinamakan *Isti‘arah Tab‘iyyah*. Maka, ungkapan “mengikut suruhan” sebagai satu simbol kepada manusia yang disasarkan itu. Ia juga dikatakan satu gaya bahasa yang berbentuk satu ejekan dan penghinaan kepada mereka yang melakukan kejahatan dan perkara-perkara keji serta berkata-kata dusta terhadap Allah SWT (al-Alusi, 1985: 39). *Isti‘arah* ayat ini hasil dari suatu yang *Mahsus* (menyuruh) untuk suatu yang berbentuk *Ma‘qul*, iaitu bisikan, pujuk rayu atau hasutan syaitan (syak dan ragu). Keistimewaannya, kata kerja يَأْمُرُ suatu yang *Mahsus* dan disandarkan pada gantinama syaitan adalah bertepatan bagi menggambarkan situasi bisikan syaitan yang berterusan kepada manusia yang bersifat *Ma‘qul*. Kata kerja tersebut adalah tidak asing bagi manusia dan maksud yang tersirat (ejekan) itu dapat dizahirkan dengan ayat yang ringkas namun padat dengan makna dan ia lebih memberi kesan kepada manusia berbanding dengan gaya bahasa biasa bukan *Isti‘arah*.

### ***Isti‘arah Tasrihiyyah***

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 171:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بِكُمْ عَمِيٍّ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: “*Dan perumpamaan orang menyeru orang-orang kafir seperti penggembala yang memanggil binatang yang tidak mendengar selain panggilan dan seruan saja. Mereka tuli, bisu dan buta, maka oleh itu mereka tidak mengerti*”.

Latar belakang ayat ini juga rentetan dari حشيش ayat di atas iaitu masih lagi memaparkan sebahagian sifat-sifat golongan yang enggan menerima ajaran Rasulullah SAW. *Isti‘arah* dalam ayat ini sama seperti ayat lapan belas iaitu orang-orang kafir diumpamakan dengan tuli, bisu dan buta. *Musyabbah* digugurkan dan *Musyabbah bih* dikekalkan (Muhyiddin al-Darwisy, 1992: 240). Tetapi ada ulama’ yang mengatakan ungkapan tersebut sebagai *Tasybih Baligh*, iaitu mereka umpama tuli kerana tidak mahu mendengar seruan kebenaran dan umpama bisu dan buta kerana tidak mengambil manfaat dari

al-Quran (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 71). Namun berdasarkan ayat *صَمُّكُمْ وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً* adalah dianggap berasingan dengan *صَمُّكُمْ* dan ia dianggap tergolong dalam kelompok *Isti'arah* kerana berdasarkan teori *Isti'arah Tasrihiyyah* yang menggugurkan *Musyabbah* (orang kafir).

Menurut al-Alusi (1985: 41) ayat ini memberi maksud celaan kepada mereka yang tidak mempedulikan ayat Allah SWT, bercakap benar dan tidak memikirkan tentang kebenaran dan kekuasaan Allah SWT. Keistimewaannya, gaya bahasa *Isti'arah* ini juga berbentuk *Mahsus* (tuli, bisu dan buta) untuk suatu yang *Ma'qul* (keadaan hati yang degil dan enggan akur pada kebenaran) yang digugurkan. Situasi orang degil untuk menerima kebenaran seolah-olah diperlukan oleh Allah SWT dengan membawa sifat tuli, bisu dan buta. Sifat ini amat jelas bagi menggambarkan orang sedemikian kerana ia ada dalam persekitaran manusia.

### ***Isti'arah Tasrihiyyah***

Allah SWT berfirman dalam al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 175:

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ﴾

Maksudnya: “Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk dan siksa dengan pengampunan, maka alangkah beraninya mereka menentang api neraka”.

Ayat tersebut adalah sambungan daripada ayat 174 yang mengisahkan atau mendedahkan pimpinan Yahudi dan para pendita mereka mendapat gaji dan hadiah. Mereka juga berharap ada daripada kalangan mereka yang akan menjadi nabi akhir zaman. Ketika ternyata yang diutus ialah nabi Muhammad dan di luar kelompok mereka, timbullah kekhuatiran hilangnya pangkat. Justeru, mereka berniat mengubah tanda dan ciri-ciri nabi akhir zaman. Kemudian mereka sampaikan kepada kaumnya sifat-sifat nabi yang dipalsukan (al-Suyuti, 1988).

Memang jelas bahawa ahli kitab semasa itu terlalu mementingkan suatu yang bersifat keduniaan semata-mata. Hal ini jelas menurut al-Alusi (1985) semasa di dunia mereka memilih jalan kesesatan daripada petunjuk (hidayah) yang sebenar. Perkara yang akan berlaku pada hari akhirat nanti, mereka juga akan memilih azab daripada keampunan. Hal ini semuanya berupa janji Allah SWT terhadap golongan yang menyembunyikan kebenaran Ilahi. Ayat tersebut menggunakan lafaz yang sesuai berkaitan jual beli dan jual beli mereka mendapat kerugian di dunia dan akhirat (al-Alusi, 1985: 44). *Isti'arah* dalam ayat ini menggunakan kalimah “membeli kesesatan dengan petunjuk” dan “siksa dengan keampunan” (Muhyiddin al-Darwisy, 1992: 247). Al-Zamakhshary (1987: 69) telah menjelaskan makna “اشْتَرَاءُ الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ” dari segi bahasa ialah memilih atau menukarkan sesuatu dan

menggantikan dengan sesuatu yang lain, manakala dari segi gaya bahasa Isti'arah pula ialah memilih dan menukarkan kesesatan dengan petunjuk. Situasi sama berlaku pada ayat وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ iaitu memilih azab daripada keampunan.

Keistimewaannya, gaya bahasa ini dapat berperanan dalam menjelaskan keadaan kerugian manusia yang sengaja memilih kesesatan dan azab dengan membawa kalimah اشْتَرَاءُ. Satu kalimah ini sudah menjelaskan situasi tersebut kerana ia jelas seperti berlaku dalam urusan jual beli manusia. Gaya bahasa ringkas namun padat maknanya (*Ijaz*) dan ia amat sesuai bagi menjelaskan suatu yang *Ma'qul* (kesesatan, hidayah, azab dan keampunan). Maksud tersirat perkara maknawi ini dapat dijelaskan melalui gaya bahasa ini dan ia mampu digambarkan oleh fikiran manusia.

### ***Isti'arah Tasrihiyyah***

Allah SWT telah berfirman lagi dalam al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 187:

﴿أَحَلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كَيْبْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَابْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: “Dihalalkan bagi kamu, pada malam hari puasa, bercampur (bersetubuh) dengan isteri-isteri kamu. isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu mengkhianati diri sendiri, lalu ia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu. maka sekarang setubuhilah isteri-isteri kamu dan carilah apa-apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kamu; dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar. kemudian sempurnakanlah puasa itu sehingga waktu malam (maghrib); dan janganlah kamu setubuhi isteri-isteri kamu ketika kamu sedang beriktikaf di masjid. itulah batas-batas larangan Allah, maka janganlah kamu menghampirinya. demikian Allah menerangkan ayat-ayat hukum-Nya kepada sekalian manusia supaya mereka bertaqwa”.

Fokus perbincangan adalah kepada ayat berikut : هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ. Latar belakang ayat ini ialah ada beberapa kisah yang berlaku sebelum ayat ini diturunkan. Menurut Ibnu Hajar al-‘Asqalani (1987:154) dalam *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, Kitab al-Saum, Bab Qaul Allah* (al-Baqarah: 187) Hadis no. 1915, diriwayatkan dari Mu‘az bin Jabal, bahawa para sahabat kebiasaannya makan, minum dan bersetubuh dengan isteri sebelum tidur. Mereka tidak melakukan perkara tersebut sesudah mereka tidur dan Saidina

'Umar al-Khattab sendiri mengamalkan sikap sedemikian. Imam al-Bukhari ada meriwayatkan dari al-Bara' bahawa para sahabat apabila sampai bulan Ramadan mereka menjauhi isteri-isteri mereka dan terjadilah seorang lelaki yang tidak mampu menahan dirinya daripada bersetubuh dengan isterinya.

Dalam kes yang lain pula ada diriwayatkan daripada Ahmad Ibnu Jarir Ibnu Abi Hatim dari Ka'ab bin Malik daripada ayahnya bahawa para sahabat mengamalkan perkara yang tersebut di atas, hingga berlaku kepada Saidina 'Umar yang pulang dari menemui Nabi Muhammad SAW telah memendam satu perasaan lalu melakukan persetubuhan dengan isterinya walaupun beliau menolak dengan alasan sudah tertidur. Hal begini juga berlaku kepada Ka'ab. Pada pagi keesokannya Saidina 'Umar menceritakan kepada Rasulullah SAW, maka turunlah ayat tersebut (Al-Suyuti, 1988: 35).

Menurut Ibnu 'Abbas dalam al-Alusi (1985); apabila ditanya tentang maksud ayat ini, beliau menyatakan isteri-isteri itu mendiami rumah untuk suaminya dan suami juga mendiami rumah untuk isterinya. Kemudian beliau mengaitkan dengan satu bait (perenggan) syair al-Dhibyani bagi menjelaskan lagi ungkapan dalam ayat berikut, iaitu:

“إِذَا مَا الضَّجِيعُ ثَنَىٰ عِطْفُهُ # تَثَنَّتْ عَلَيْهِ فَكَانَتْ لِبَاسًا”

Maksudnya: “Apabila ia (lelaki) mengiring merapatkan pelipisnya # Dia (wanita) melintukkan ke atasnya (lelaki) sebagai pakaian” (al-Alusi, 1985: 65).

Demikianlah juga bila merujuk pada andaian dari al-Tabari (1954) mengatakan seolah-olah ungkapan ini berbunyi “نَسَاءُكُمْ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ”. Apabila ada persoalan bagaimana berlakunya wanita (isteri) boleh dianggap pakaian bagi lelaki (suami). Al-Tabari (1954:163) menjelaskan ia berlaku dalam dua keadaan. Pertamanya, setiap pasangan masing-masing dijadikan pakaian baginya untuk mengeluarkan keduanya ketika tidur dan berhimpun keduanya dalam pakaian yang sama serta bercantum jasad mereka seperti mana pakaian yang dipakai oleh si pemakai. Keduanya pula, dijadikan setiap keduanya sebagai pakaian kerana ia mendiaminya, seperti firman Allah SWT: (جَعَلَ لَكُمْ اللَّيْلَ لِبَاسًا) ertinya *dijadikan malam untuk beristirahat* (Surah al-Furqan: 47). Justeru, rumah adalah tempat didiami manusia. Maka si suami mendiami si isteri dan begitu juga sebaliknya, mereka saling mendiami antara satu sama lain. Dengan kata lain mereka tidur bersama.

Perkara yang nyata ialah ayat ini satu bentuk *Isti'arah* yang membandingkan setiap pasangan suami isteri sebagai pakaian (*Mahsus*), kerana pakaian itu meliputi seluruh tubuh pemakainya dan dapat mengawal tubuhnya daripada sebarang kekotoran dan sebagainya. Menurut Wahbah al-Zuhaili (1991: 187); kalimah ‘لباس’ dipinjamkan bagi menunjukkan antara kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain (*Ma'qul*). Al-Zamakhshari (1987:

230) menerangkan ayat ini adalah untuk penjelasan terhadap sesuatu yang diharamkan setelah umat Islam ketika itu menjauhinya dan Islam membatalkan kepercayaan lama dengan mengumpamakan pasangan suami isteri seperti pakaian sebagaimana yang telah dijelaskan di atas. Keistimewaannya, gaya bahasa ini berperanan besar dalam memberi keterangan yang jelas tentang perkara *Ma'qul* iaitu keperluan hubungan antara suami isteri menerusi satu penyerupaan yang tidak asing bagi manusia iaitu pakaian (*Mahsus*). Jika didatangkan dengan gaya bahasa biasa sudah pasti memerlukan ayat yang panjang dan boleh menjemukan serta hilang ketinggian nilai sastera itu sendiri. Gaya bahasa yang dibawa al-Quran itu nyata lebih ringkas tetapi sarat dengan makna yang tersirat dan setelah diperhalusi makna tersebut akan dapat dizahirkan seperti yang diterangkan. Dengan kata lain juga pemilihan kalimah itu amat bertepatan dengan maksud yang dikehendaki. Inilah kehebatan gaya bahasa *Isti'arah* dalam al-Quran yang menjadi penyumbang kepada kemukjizatannya sebagaimana telah dibincangkan.

### *Isti'arah Tasrihiyyah*

Dalam ayat yang di atas juga terdapat satu lagi *Isti'arah* iaitu “الْحَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْحَيْطِ الْأَسْوَدِ”. Menurut Ibnu Hajar al-‘Asqalani (1986: 157) dalam *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari, Kitab al-Saum, Bab Qaul Allah* (al-Baqarah: 187) Hadis No. 1917, diriwayatkan Imam al-Bukhari dari Sahli bin Sa‘ad, setelah turun ayat ini satu peristiwa berlaku iaitu seorang lelaki yang mengikat kedua kakinya dengan benang hitam dan putih. Dia makan dan minum (ketika sahur puasa) sehingga benang-benang tadi nampak dengan jelas. Maka turunlah ayat ini dengan sambungannya (مِنَ الْفَجْرِ), kemudian mereka faham bahawa maksudnya ialah siang dan malam. Ayat tersebut termasuk dalam jenis *Isti'arah*, iaitu ayat ini pada dasarnya membandingkan keputihan pancaran cahaya pagi umpama benang putih dan kehitaman atau kegelapan cahaya malam umpama benang hitam. Kalimah ‘الْحَيْطَانُ’ (kedua benang) adalah satu bentuk *Majaz*.

Manakala menurut al-Zamakhshari (1987), lafaz ini dikategorikan dalam *Tasybih Baligh* kerana kalimah selepas itu (مِنَ الْفَجْرِ) menafikan sebagai *Isti'arah*, seperti ungkapan yang berbunyi, “رَأَيْتَ أَسَدًا” merupakan *Majaz* tetapi apabila ayat ditambah “مِنْ فُلَانٍ” ia terus merujuk kepada *Tasybih* kerana ia menjadi *Bayan* (penjelas) kepada ungkapan sebelumnya dan “مِنْ” untuk sebahagian (لِلتَّبَعِضِ) dan permulaan fajar (Al-Zamakhshari, 1987: 230).

Begitu juga menurut al-Alusi (1985), kalimah ini terkeluar dari ruang *Isti'arah* bahkan ia dikira sebagai *Tasybih*. Hal ini demikian kerana menurutnya *Isti'arah* mestilah menepati syarat-syarat atau kriterianya seperti “تَنَاسَى” (melupakan *Tasybih*) adalah secara keseluruhannya (*Kulliyat*), sedangkan dalam ayat ini terdapat “مِنَ الْفَجْرِ” selepasnya. Harf “مِنْ” adalah untuk gambaran sebahagian, seperti yang diterangkan (al-Alusi, 1985: 65).

Walau bagaimanapun, kajian ini pada dasarnya melihat penggunaan kalimah “benang” pada awalnya adalah berbentuk *Majaz Lughawi* dan tergolong dalam *Isti'arah Tasrihiyyah*. Perkara ini berdasarkan pada pandangan ‘Abd al-Qahir al-Jurjani yang menurutnya, ayat ini ada gaya persembahan *Isti'arah*. Tiada pertembungan berlaku dengan *Tasybih* kerana lafaz yang dikatakan “مِنَ الْفَجْرِ” sebagai *Bayan* itu sebenarnya ia amat mustahak disebut bagi menjaga makna sebenar ayat serta ia ada kesepakatan dalam menjelaskan maksud. Keadaan ini dapat juga dilihat pada satu ungkapan, katanya; “لَقَيْتُ” “أَسَدًا شَدِيدَ الْوَطْأَةِ عَلَى أَعْدَائِهِ” (*aku berjumpa dengan singa yang sangat kuat menindih musuhnya*). Dikira sebagai *Isti'arah* walaupun terdapat ganti nama pada اَعْدَائِهِ yang dirujuk kepada *Musyabbah* (lelaki yang berani) kerana tidak disebut mengikut gaya *Tasybih* sebenar dan cara ini dilihat adanya kesamaran ganti nama *Musyabbah* itu ialah *Mushabbah bih* iaitu اَسَدًا . (Muhammad Muhammad Abu Musa et al., 1413H: 121).

Aspek yang penting di sini ialah mengeluarkan ungkapan al-Quran yang berkaitan dengan *Isti'arah* dan didasarkan pada *Tasybih* dari suatu yang *Mahsus* (benang putih dan hitam) untuk suatu yang juga berbentuk *Ma'qul*, iaitu cahaya pagi dan kegelapan malam. *Jami* 'nya pula ialah 'Aqli, iaitu waktu peralihan pagi dan malam. Keistimewaannya, gaya bahasa ini berperanan dalam menjelaskan suatu yang bersifat *Ma'qul* dengan membawa suatu yang *Mahsus* agar dapat dihami dengan jelas. Kalimah الخَيْطَانُ juga tepat dengan situasi atau konteks ayat semasa dan selamanya kerana ia memang digunakan oleh manusia seluruhnya. Ia juga bertepatan dengan maksud yang dikehendaki. Dengan ini terserlahnya ketinggian dan keindahan seni *Balaghah* al-Quran itu sendiri menerusi gaya bahasa tersebut dan pastinya tidak terhasil sekiranya didatangkan dengan ungkapan biasa iaitu bukan *Isti'arah*.

### ***Isti'arah Tasrihiyyah Murasysyahah***

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 245 :

﴿مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ﴾

Maksudnya: “Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (menafkahkan harta di jalan Allah), maka Allah akan melipat gandakan bayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak, dan Allah yang menyempit dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nya kamu dikembalikan”.

Melihat kepada peristiwa sebelum turun ayat ini ialah Ibnu Hibban dalam Sahihnya, Ibnu Abi Hatim dan Ibnu Mardawaih dari Ibnu ‘Umar telah berkata, Rasulullah SAW bersabda: “Ya Allah tambahkanlah umat kami”. Lalu turunlah ayat berkenaan (al-Suyuti, 1988: 61).

Merujuk makna asal “الْقَرْضُ” ialah “مَا يُفْعَلُ لِيُجَاوِزَ عَلَيْهِ” apa yang dilakukan supaya dibalas balik seperti ungkapan dari syair Labid bin Rabi‘ah katanya:

وَإِذَا أُجْرِيَتْ قَرْضًا فَاجْرِهِ # إِنَّمَا يَجْزِي الْفَتَى غَيْرَ الْجَمَلِ

Maksudnya: “*Apabila kamu diberi suatu pinjaman maka bayarkanlah, sesungguhnya pemuda yang menuntut bayaran balik tidak elok*” (Abu Ja‘far al-Nuhhas, 1988: 247).

Menurut al-Tabari (1954: 592) dalam tafsirnya ada menyebut maksudnya ialah orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah SWT pasti akan mendapat balasan berlipat kali ganda. Itulah satu pinjaman terbaik yang diberikan oleh seorang hamba kepada Tuhannya. Allah SWT menyebut sebagai “*Qard*” kerana maknanya ialah seorang yang memberi hartanya kepada orang lain, apabila pemberian itu kepada orang yang amat berhajat maka pemberian itu berada di jalan Allah SWT dan ia dikira sebagai mencari sesuatu yang dijanjikan oleh Allah SWT dengan ganjaran yang besar di hari akhirat. Ia juga disifatkan sebagai *Hasan* memandangkan si pemberi menyerahkan kepada Allah SWT semata-mata bahkan berupa ketaatan kepada-Nya.

Ayat ini menggugurkan *Musyabbah* iaitu amalan soleh dan mengekalkan *Musyabbah bih* iaitu memberi pinjaman atau membelanjakan harta dan sebagainya di jalan Allah SWT. Kemudian disebutkan suatu sifat yang sesuai dengan *Musyabbah bih* iaitu akan dilipatgandakan perbelanjaan di jalan Allah SWT dan kedudukan rezeki di tangan Allah SWT. Maka *Isti‘arah* ini dinamakan *Tasrihiyyah Murasysyahah* (Muhyiddin al-Darwisy, 1992: 363).

Secara jelasnya, orang-orang yang melakukan amalan yang bersifat segera seperti berjihad atau berusaha gigih dengan mengorbankan diri dan harta kerana Allah SWT umpama mencari ganjaran pahala yang bersifat tertangguh (balasan pahala atau syurga yang akan diperoleh di akhirat nanti) (al-Alusi, 1985: 162).

Menurut al-Zamakhsyari (1987: 290) ungkapan *memberi pinjaman kepada Allah* (يُقْرَضُ اللَّهُ) mempunyai unsur perbandingan. Aspek yang dapat difahami ialah diumpamakan keadaan orang yang mengemukakan amalan yang diharapkan ganjaran pahala seperti memberi pinjaman kepada Allah SWT atau dengan kata lain sebagai satu saham kepada pelaku amalan tersebut. Pinjaman yang baik (قَرْضًا حَسَنًا) maknanya amalan baik yang dilakukan. Keistimewaannya, *Isti‘arah* ini terhasil dari suatu bentuk yang *Mahsus* (memberi pinjam sesuatu) untuk suatu yang *Ma‘qul*, iaitu amalan soleh. Cara sedemikian ternyata mampu memberi penjelasan yang nyata lagi mampu memberi kesan mendalam kerana setiap amalan soleh dijanjikan oleh Allah SWT dengan balasan yang berlipat ganda. Amalan soleh digugurkan dalam ayat diumpamakan sebagai satu pinjaman kepada Allah SWT yang dinyatakan

dalam ayat menunjukkan keutamaan yang dipaparkan dan didatangkan pula balasan secara gandaan yang banyak. Hal ini menguatkan bahawa ia mudah difahami oleh manusia berdasarkan ayat “memberi pinjam” (يُقْرِضُ) adalah juga berkaitan urusan biasa bagi manusia seperti memberi pinjam wang dan sebagainya. Ringkasnya ayat ini juga dapat memberi gambaran maksudnya ke dalam pemikiran manusia dengan lebih jelas melalui kalimah yang tepat dan sesuai dengan maksud yang dikehendaki menerusi gaya bahasa *Isti'arah* ini.

### ***Isti'arah Tamthiliyyah***

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 250:

﴿وَمَا بَرَزُوا لِلْجَلُوتِ وَجُنُودِهِ قَالُوا رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَبَّتْ أقدَامُنَا وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ﴾

Maksudnya: “Dan apabila mereka (orang-orang yang beriman itu) keluar menentang Jalut dan tenteranya, mereka berdoa dengan berkata, Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah kesabaran kepada kami dan teguhkanlah tapak pendirian kami serta menangkanlah kami terhadap kaum kafir”.

Dari sudut bahasa kalimah “أَفْرِغْ عَلَيْنَا” bermakna “صَبَّ عَلَيْنَا” iaitu *curahkanlah ke atas kami* (Ibnu Mulaqqin, 1987: 84). Ayat ini tergolong dalam *Isti'arah Tamthiliyyat*, yang ia mengumpamakan keadaan mereka yang dipenuhi dengan sifat kesabaran oleh Allah SWT dengan suatu keadaan air yang mencurahi ke seluruh tubuh manusia. Kalimah “أَفْرِغْ” dipinjamkan dari *Musyabbah bih* untuk *Musyabbah* bagi menjelaskan lagi keadaan mereka yang berdoa dengan penuh pengharapan kepada Allah SWT. (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 426). Keistimewaannya, *Isti'arah* dalam ayat ini adalah penyerupaan suatu yang *Mahsus* (limpahan air) untuk suatu yang *Ma'qul*, iaitu keadaan orang yang sabar dan penuh pengharapan kepada Allah SWT berdasarkan kepada penggunaan kalimah أَفْرِغْ. *Isti'arah* ini meneruskan cirinya yang berperanan memperjelaskan suatu yang *Ma'qul* dengan mendatangkan suatu yang *Mahsus* agar mampu difikirkan manusia tentang apa yang dimaksudkan sebenarnya. Ringkasnya gaya perumpamaan dari *Isti'arah* ini ternyata memberi kesan yang mendalam berdasarkan penggunaan kalimah yang tepat iaitu أَفْرِغْ seperti yang telah dijelaskan. Kaedah seni gambaran perumpamaan sentiasa digunakan dalam al-Quran untuk menerangkan sesuatu perkara pokok yang perlu dititikberatkan. Menurut Sayyid Qutb (1966: 34) bahawa “seni tersebut mampu menghasilkan gambaran secara zahir dari maksud tersirat dan mempersembahkan suatu yang nyata menerusi naluri kemanusiaan. Setelah maksud tersirat menjadi tersurat dan perasaan dalaman manusia dapat dipersembahkan, gambaran tersebut menjadi suatu objek hidup dan bergerak”. Secara jelasnya, antara peranan besar gaya bahasa *Isti'arah* adalah menjelaskan suatu yang *Ma'qul* dengan membawa suatu yang bersifat *Mahsus* atau menukarkan suatu yang *maknawi* kepada

suatu yang *haqiqi*. Melaluinya juga, maksud yang sebenar secara panjang lebar dapat diungkapkan dengan ringkas dan padat tanpa melupakan perkara yang berkaitan dengan maksud yang dikehendaki.

### Rumusan

Dapat dirumuskan bahawa gaya bahasa *Isti'arah* memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dengan lebih berkesan berbanding dengan penggunaan gaya bahasa biasa terutamanya yang terdapat dalam al-Quran itu sendiri. Seperti yang dijelaskan, Mahmud Syaikhun (1981) telah menyatakan tentang rahsia kehebatan gaya bahasa berkaitan perbandingan dan perumpamaan dalam al-Quran. Gaya bahasa itu dilihat sentiasa datang dengan kalimah atau ungkapan yang tepat dengan situasi dan maksud yang dikehendaki sebagaimana teori *al-Nazm* oleh al-Jurjani (1989) yang telah dinyatakan. Di samping itu, setiap perkara *Ma'qul* dapat dijelaskan menerusi perkara *Mahsus* dan dipersembahkan dengan ayat ringkas tetapi padat maknanya. Justeru, makna tersirat dalam ayat dapat disuratkan dengan jelas melalui gaya bahasa *Isti'arah* ini.

Oleh yang demikian, amat wajarlah setiap individu Muslim mempelajari ilmu *Balaghah* di samping mempelajari ilmu tatabahasa Arab agar ia boleh membantu dalam menghayati makna tersirat selain yang tersurat dalam ayat al-Quran dan sekurang-kurangnya mereka mengenali asas gaya bahasa yang digunakan dalam al-Quran yang boleh menambah motivasi dalam pembacaan dan pengajian al-Quran. Dengan mempelajarinya secara terperinci nanti akan membantu mereka memahami ayat al-Quran dengan lebih mendalam untuk dihayati pengajarannya dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, amat wajar sekiranya kelas pengajian *Balaghah* yang selama ini kurang diberi perhatian dapat dikembangkan dalam kalangan masyarakat seiring dengan pengajian tata bahasa Arab.

Situasi ini berdasarkan *Isti'arah* pada hakikatnya berada pada tahap yang tinggi martabatnya dari aspek seni gaya bahasa. Mereka yang tertentu atau yang mempelajarinya sahaja akan mampu menghayatinya dan seharusnya mempunyai daya imiginasi yang tinggi dalam membuat takwilan maksud sebenar. Menurut tokoh *Balaghah* Arab al-Zamakhshyari ada menyebut dengan katanya: “ لا يَسْتَطِيعُ لَفْهَمُ أَشْرَارِ الْقُرْآنِ إِلَّا رَجُلٌ بَرَعَ فِي عُلُومِ الْبَلَاغَةِ ” Maksudnya: “Seseorang itu tidak mampu untuk memahami rahsia-rahsia al-Quran melainkan ia seorang yang betul-betul mahir dalam ilmu Balaghah ” (‘Abd al-Halim Hasyim al-Syarif, 1991: 1).

### Rujukan

- Al-Quran al-Karim dan Terjemahannya*. (1992). Madinah al-Munawwarah: Majma' Khadim al-Haramain al-Syarifain.
- Al-Quran al-Karim: Tafsir Pimpinan Rahman*. (1989). Kuala Lumpur: Edaran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

- 'Abd al-Halim Hasyim al-Syarif. (1991). *Al-Baqillani wa Juhuduh fi I'jaz al-Quran*. (Cet.1). Qaherah: al-Sadad li Khidmah al-Tiba'ah.
- 'Abd al-Hamid al-'Ubaisi. (1985). *Al-Balaghah Dhauq wa Manhaj*. (Cet.1). Qaherah: Matba'ah Hasan.
- Abdullah Hasan Ainun Muhammad. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap*. (Terbitan Pertama). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abu Ja'afar al-Nuhhas. (1988). *Ma'ani al-Quran al-Karim*. (Jzk.1). Mekah: Markaz Ihya' al-Turath al-Islami.
- Ahmad Rabi'. (1991). *'Ulum Balaghah al-'Arabiyyah*. Amman Jordan: Dar al-Fikr.
- Al-Alusi al-Baghdadi. (1985). *Tafsir Ruh al-Ma'ani*. (Jzk.1-2, Cet.4). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Hamawi, Ibnu Hujjah. (1991). *Khazanah al-Adab wa Ghayah al-Arab*. (Jzk.1, Cet.2). Beirut: Maktabah al-Hilal.
- Abi Ja'afar al-Nuhhas. (Tahqiq: al-Sheikh Muhammad Ali al-Sabuni). (1988). *Ma'ani al-Quran al-Karim*. (Jzk.1, Cet.1). Mekah: Markaz Ihya' al-Turath al-Islami.
- Al-Jurjani, Al-Imam 'Abd al-Qahir. (Ta'liq: Mahmud Muhammad Syakir). (1989). *Dala'il al-I'jaz*. Qaherah: Maktabah al-Khanji.
- Al-Jurjani, Al-Imam 'Abd al-Qahir. (Ta'liq: Muhammad Abdul Mun'im Khafaji). (1976). *Asrar al-Balaghah*. (Jzk.1). Qaherah: Maktabah al-Qaherah.
- Al-Nisaburi, Abu al-Hasan 'Ali bin Ahmad al-Wahidi. (1968). *Asbab al-Nuzul*. Qaherah, Muassasah al-Halabi wa Syurakah.
- Al-Sakkaki, Al-Imam Abi Ya'akub Yusuf bin Abi Bakar Muhammad bin 'Ali. (1983). *Miftah al-'Ulum*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuti, Al-Imam Jalaluddin 'Abd al-Rahman. (1988). *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*. Terjemahan: Rohadi Abu Bakar. (Cet.1). Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Al-Sya'rawi. (t.t). *Tafsir Sya'rawi*. (Jld.2). Mesir: Matba'ah Dar al-Akhbar al-Yaum.
- Al-Tabari. (1954). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran*. (Jzk.2). Qaherah: Matba'ah Mustafa al-Halabi wa Auladuh.
- Al-Tahir Ahmad al-Zawi. (t.t). *Tartib al-Qamus al-Muhit 'ala Tariqat al-Misbah al-Munir wa Asas al-Balaghah*. (Cet.1, Jzk.3). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zamakhsyari, Al-Imam Mahmud bin 'Umar. (1987). *Al-Kasysyaf*. (Jzk.1, Cet.3). Qaherah: Dar al-Rayyan.
- Badawi Tabana. (1958). *al-Bayan al-'Arabi: Dirasat Tarikhiyyah Fanniyyah fi Usul al-Balaghah al-'Arabiyyah*, Qaherah: Maktabah al-Masriyyah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2004). *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Fadl Hasan 'Abbas. (2007). *Asalib al-Bayan*. Oman: Dar al-Nafa'is.
- Ibnu al-Manzur. (t.t). *Lisan al-'Arab*. (Jld.4). Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibnu Hajar al-'Asqalani. (1986). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. (Jzk.4, Cet.1). Beirut: Dar al-Rayyan.

- Ibnu Mulaqqin, Siraj al-Din Abi Hafs 'Umar bin Abi al-Hasan Ali bin Ahmad al-Nahwi al-Ansari al-Syafi'i al-Ma'ruf Ibnu Mulaqqin. (1987). *Tafsir Gharib al-Quran*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Ziyat, Hamid 'Abd al-Qadir & Muhammad Ali al-Najjad. (1986). *Al- Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dar al-Da'wah.
- Kamus Dewan*. (2005). (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mahmud al-Sayyid Syaikhun. (1981). *Nazarat fi al-Tamthil al-Balaghi*. Qaherah, Kulliyyah al-Azhariyyah.
- Muhammad Amin al-Dannawi. (2000). *Mu'in al-Talib fi 'Ulum al-Balaghah*. Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Muhammad Abu Musa. (1984). *al-I'jaz al-Balaghi : Dirasat Tahliliyyah li Turath al-'Ilmi*. Qaherah; Maktabah Wahbah.
- Muhammad Muhammad Abu Musa, Abdul Hamid Muhammad al-'Ubaisiy & Muhammad Jalal al-Dhahbi. (1413H). *Muhadarat fi 'Ilmi al-Bayan*. Qaherah: Matba'ah al-Ukhuwwah al-Ashiqqa'.
- Muhyiddin al-Darwisy. (1992). *I'rab al-Quran wa Bayanuh*. (Jld.1, Cet.3). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Mukhlis al-Syarkani. (2001). *Cara Belajar Bahasa Arab (Balaghah)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. (1992). (Cet.2). Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Sayyid Qutb. (1966). *al-Taswir al-Fanni fi al-Quran*. Qaherah: Dar al-Syuruq.
- Wahbah al-Zuhaili. (1991). *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. (Jzk.1). Qaherah: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Roslan Ab Rahman  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Email: roslanabr@unisza.edu.my

Hashim Mat Zin  
Kolej Komuniti  
(Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)  
Tangkat, Johor  
Email: hashim@gmail.com.my

Md Nor Abdullah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: monab@ukm.my

Hasan Al-Banna Mohamed  
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
Email: hasanalbanna@upnm.edu.my